

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)
Sent: 14 Jun 2016 15:06
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Dr. Aminurraasyid Bin Yatiban
Subject: IEIJS ONLINE: IEIJS MENGANJURKAN PROGRAM KOLOKIUUM KEBANGSAAN IKON MUDA ISLAM 2016.



INSTITUTE OF EXCELLENCE FOR
ISLAMICJERUSALEM STUDIES

Universiti Utara Malaysia

14 JUN 2016 / 9 RAMADHAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



IEIJS ONLINE: 10 Jun yang lalu, Institut Kecemerlangan Pengajian Baitulmaqdis (IEIJS), GSGSG, COLGIS telah berkolaborasi dengan ASTRO Oasis bagi menganjurkan program Kolokium Kebangsaan Ikon Muda Islam 2016 bertempat di Dewan Teater ASTRO, Bukit Jalil. Selain ASTRO Oasis, kolokium yang julung-julung kali diadakan ini turut mendapat sokongan padu daripada KPT dan penajaan daripada Yayasan Restu.

Kolokium Kebangsaan Ikon Muda Islam 2016 ini telah dihadiri peserta-peserta dari kalangan ikon-ikon muda yang

diketengahkan melalui rancangan realiti televisyen Islam seperti Pencetus Ummah, Imam Muda dan Ustazah Pilihan. Antara ikon muda Islam terkenal di Malaysia yang hadir ialah juara Pencetus Ummah musim pertama, PU Hafiz (Muhammad Hafiz Mohd Haneefa), juara Pencetus Ummah musim ketiga, PU Syed (Syed Mohd Bakri Syed Ishak) dan juara Imam Muda musim ketiga, IM Jabbar (Abdul Jabbar Mohammed Kahar) dan Naib Juara Ustazah Pilihan, Ustazah Nurul Hidayah Kamarudin.

Kolokium Kebangsaan Ikon Muda Islam 2016 dijalankan dengan matlamat untuk menghasilkan model pembangunan ikon muda Islam yang diharap dapat berperanan dalam mendidik masyarakat, khususnya dalam memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat Malaysia terhadap isu keamanan sejagat dengan Baitulmaqdis sebagai fokusnya. Program ini juga dapat mempromosikan Institut Kecemerlangan Baitulmaqdis yang baru ditubuhkan di UUM kepada umum sekaligus melonjakkan reputasi UUM serta ASTRO sebagai rakan pintar dalam mempelopori bidang pengajian ini. Program yang bermula dari pukul 9.00 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 tengahari itu telah berjaya mencapai resolusi-resolusi yang diyakini berupaya mendatangkan manfaat kepada dunia akademik, pendidikan, media dan dakwah di Malaysia. Program kolokium ini juga telah mendapat liputan daripada pihak ASTRO dan akan disiarkan melalui slot Salam Dhuha saluran ASTRO Oasis dalam masa terdekat.

=====

Institute of Excellence for IslamicJerusalem Studies (IEIJS)

Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), UUM COLGIS

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: (604) 928 7770/7766

Fax: (604) 928 7799

ieijs@uum.edu.my

director.ieijs@uum.edu.my

